

Dapat siapakan bangunan menurut jadual

# PM puashati prestasi pemborong binaan tempatan

UM 15 MAY 1985

**(P)**  
KUALA LUMPUR, 14 Mei - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berpuas hati dengan prestasi pemborong-pemborong binaan tempatan yang sudah dapat membina bangunan dengan pesat dan kemas serta menurut jadual.

Bagaimanapun, beliau menggesa mereka supaya terus mempelajari cara-cara dan teknologi baru dalam bidang binaan yang memberi manfaat kepada mereka.

Sebelum ini, katanya, hampir tidak ada bangunan yang dibina oleh pemborong-pemborong tempatan dapat disiapkan mengikut jadual yang dite-

apkan.

Semasa melakukan upacara penyiapan kerja bagi Hotel Pan Pacific Kuala Lumpur (PPKL) di Jalan Tun Ismail di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga membidas hotel-hotel yang menaikkan kadar sewaan-bilik sehingga menimbulkan kerugian sekarang akibat saingan hebat.

Ketika negara menghadapi kekurangan bilik hotel, katanya, hotel-hotel telah menaikkan kadar sewaan dengan tidak mendengar rayuan kerajaan.

Apabila sewaan bilik dinaikkan, para pekerja hotel telah menuntut gaji yang lebih tinggi kerana mereka

menganggap keuntungan hotel akan meningkat.

"Dahulu hotel-hotel itu berkata mereka tidak dapat menurunkan kadar sewaan, tetapi apabila semakin banyak hotel didirikan, mereka terpaksa menurunkan kadar sewaan.

"Apabila ini berlaku, kos mereka yang termasuk gaji pekerja tidak dapat diturunkan dan ini merugikan hotel-hotel itu sendiri. Akibatnya mereka terpaksa merasai padah sekarang," tambah beliau.

Perdana Menteri berharap Hotel PPKL akan berjaga-jaga dalam soal kadar sewaan biliknya supaya kadar itu sederhana dan

mengelakkan kerugian seperti yang dialami oleh hotel-hotel lain.

Mengenai pemborong binaan tempatan pula, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau sedar yang ramai pemborong itu merasa tidak puas hati kerana banyak kontrak besar di ibu kota diberikan kepada pemborong-pemborong binaan asing.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa pemborong-pemborong binaan tempatan akan menggunakan cara-cara dan teknologi yang usang dan lama sekiranya pemborong-pemborong binaan asing tidak datang ke negara ini.

"Kadangkala ada bangunan yang terpaksa dibina dengan mengambil masa yang panjang dan dua kali ganda daripada dijadualkan. Apabila ini berlaku, kos akan meningkat," katanya.

Beliau berkata, sekiranya projek-projek bangunan diserahkan kepada pemborong-pemborong asing, mereka dapat menyiapkan menurut jadual dan dengan menjimatkan kos.

"Soal ini dilupakan (oleh pemborong-pemborong binaan tempatan) sama sekali. Yang mereka nampak ialah mereka juga mampu menjalankan projek-projek seperti pemborong asing," tegasnya.